

Kerajaan beri penekanan pelbagai bidang penting sejak merdeka

10 SEP 2002

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sejak mencapai kemerdekaan Malaysia telah memberi penekanan penting dalam pelbagai bidang termasuk kesihatan, pendidikan dan pembangunan untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Sebagai contoh kata Perdana Menteri, kerajaan memberi penekanan penting kepada aspek pendidikan sebagai alat untuk mencapai kemajuan.

“Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), kerajaan memperuntukkan 20.6 peratus daripada peruntukan pembangunan kepada sektor pendidikan dan program latihan,” katanya semasa merasmikan Persidangan Hak Asasi Manusia dan Pendidikan anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suruhanjaya) di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Beliau berkata, sungguhpun 39.9 peratus peruntukan untuk pendidikan dan program latihan diberi kepada pendidikan tinggi, kerajaan juga menyediakan kolej-kolej komuniti yang dikhususkan kepada lepasan sekolah, mereka yang tercicir daripada bangku sekolah dan pekerja.

“Kerajaan akan meneruskan penubuhan lebih banyak kolej komuniti sepanjang RMK-8 dan pendemokrasian pendidikan dengan menawarkan bidang teknikal, vokasional dan latihan kemahiran di peringkat sekolah menengah,” katanya.

Menurut beliau, Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan kod amalan untuk mengaji pekerja kurang upaya bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka.

Kerajaan juga kata Perdana Menteri akan meningkatkan kemudahan pembelajaran di kawasan luar bandar bagi memastikan tidak wujud jurang yang terlalu jauh antara kawasan bandar dan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.

Pencapaian

“Tindakan akan diambil bagi memastikan kemudahan yang cukup dan selesa disediakan di kawasan luar bandar bagi menarik lebih ramai guru berkhidmat di kawasan itu,” katanya.

Pada masa yang sama, kerajaan menambah peruntukan untuk Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dari RM1 bilion kepada RM2.3 bilion.

Dalam pada itu beliau berkata, walaupun pendidikan sekolah rendah tidak wajib dan diberi percuma, sebanyak 99.9 peratus atau 2,931,847 mereka yang berusia tujuh tahun berada di sekolah.

“Sebanyak 49 peratus pelajar sekolah rendah merupakan wanita,” katanya.

Beliau berkata, sungguhpun perangkaan 2000 menunjukkan hanya 63.7 peratus kanak-kanak yang berusia antara 5 dan 6 tahun dan memasuki prasekolah, ia mungkin disebabkan mereka yang berada di luar bandar masih belum menikmati kemudahan persekolahan secukupnya.

“Bagaimanapun kanak-kanak luar bandar menunjukkan pencapaian lebih baik kerana 60 peratus memasuki prasekolah anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas),” katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan meneruskan usaha pembangunan berasaskan kepada ekonomi pengetahuan.

Katanya, pembangunan itu juga perlu berasaskan kepada nilai-nilai yang dapat diserapkan dalam sistem pendidikan seperti toleransi, bertanggungjawab, menghormati antara satu sama lain, bekerjasama, etika kerja serta menyayangi keluarga dan negara.

“Kurikulum latihan guru-guru akan dikaji semula bukan sahaja untuk memberi penekanan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi serta kaedah-kaedah pengajaran kreatif tetapi juga menekankan etika dan nilai moral,” kata beliau.

Dalam hal ini katanya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia serta Suhakam boleh bekerjasama bagi mencapai matlamat tersebut.

Dalam pada itu Perdana Menteri berkata, pembasmian kemiskinan merupakan teras kepada RMK-8 yang menasarkankan golongan miskin di luar bandar.

Katanya, Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah menggantikan Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) dalam usaha membasmi kemiskinan.

Mengenai kesihatan, beliau berkata, negara ini merupakan yang terbaik di dunia dalam penjagaan kesihatan khususnya kepada kanak-kanak.

Menurut beliau, pada 1999 kadar kematian kanak-kanak yang berusia antara satu dan empat tahun ialah lapan bagi setiap 1,000 orang.

“Pada bulan Ogos 2000, Malaysia diisytiharkan bebas polio,” katanya.